

Buru dua cinta: Seni dan kesusasteraan walau banyak cabaran

MINAT terhadap seni dan kesusasteraan telah disemai sejak di bangku sekolah menengah.

Bermula dengan menyertai kelab drama sebagai kegiatan kokurikular (CCA), Cik Nur Azila Rozaini juga pernah mewakili sekolahnya dalam Festival Sastera Antara Sekolah Peringkat Kebangsaan.

Sepanjang penglibatannya dalam kelab drama, beliau juga pernah dilantik sebagai presiden kelab itu.

Dengan pengalaman tersebut, beliau diberi tanggungjawab untuk membantu menganjurkan Festival Seni ketika menuntut di Politeknik Ngee Ann (NP).

Di samping itu, Cik Nur Azila, 24 tahun, turut giat menyumbang masa sebagai relawan dalam pelbagai acara seni.

"Saya rasa ini merupakan satu perkara yang saya amat minati dan sanggup mengorbankan masa saya serta meletakkan segala upaya dalam melakukannya," katanya.

Maka tidak hairanlah apabila beliau memilih untuk mengambil jurusan kesusasteraan Inggeris dan sejarah seni sebagai dua bidang tumpuan utamanya ketika menuntut di Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Menurut anak bongsu dua beradik itu, keputusan untuk menyertai program dwibidang tersebut merupakan satu pilihan yang jelas.

"Sebelum melanjutkan pelajaran di universiti, saya mencari kursus yang mempunyai kaitan dengan seni."

"Oleh kerana saya minat menulis dan membaca, saya juga telah memilih untuk mengikuti jurusan kesusasteraan Inggeris yang ditawarkan di NTU," kata Cik Nur Azila yang bakal menerima Ijazah Sarjana Muda Seni (Kepujian).

Beliau juga merupakan antara pelajar terbaik dalam kohortnya selepas meraih keputusan cemerlang.

Akur dengan cabaran yang perlu dilalui bagi meraih segulung ijazah sarjana muda, Cik Nur Azila berkongsi bahawa beliau pernah mempersoalkan keputusannya memilih dua bidang tumpuan.

"Banyak masa yang telah diluangkan untuk membuat kajian dan menyiapkan dua tesis sebagai tugas terakhir kami sebelum tamat pengajian."

"Selepas selesai tesis yang pertama-

ma, kami perlu sambung dengan tesis kedua.

"Oleh kerana ini, saya pernah bertanya kepada diri sendiri kenapa saya sanggup membebankan diri sedangkan ramai rakan-rakan lain yang mengambil satu jurusan mampu berseronok selepas selesai semester mereka," selorohnya.

Namun didorong dengan minat yang mendalam dalam bidang seni dan kesusasteraan, beliau enggan menjadikan fikiran negatif itu sebagai alasan untuk tidak mengejar kejayaan.

Berkat usaha yang telah ditaburkan sepanjang perjalanan meraih ijazah, Cik Nur Azila kini gembira kerana diberi peluang mencebur kejayaan yang beliau minati.

Beliau baru dilantik sebagai Penolong Pengurus Pembangunan Sektor (Seni Sastera) di Majlis Seni Kebangsaan (NAC).

Mengulas tentang pekerjaan barunya itu, Cik Nur Azila berkata:

"Pekerjaan yang saya lakukan sekarang mempunyai kaitan dengan apa yang telah saya pelajari di sekolah."

"Di NAC, kami berusaha untuk mengetengahkan kepentingan seni, dan khusus bagi jabatan sastera, kami cuba melihat bagaimana orang ramai boleh menghargai sastera selain menggalak mereka untuk membaca."

"Jadi saya cuba terapkan segala pengalaman dan apa yang telah saya pelajari selama empat tahun di NTU dalam pekerjaan ini."



JADIKAN MINAT SEBAGAI KERJAYA: Berkat kerja keras dan sikap tidak mudah putus asa, Cik Nur Azila Rozaini akan menerima ijazah Sarjana Muda Seni (Kepujian) dan menjadi antara pelajar terbaik dalam kohortnya. – Foto BM oleh DESMOND FOO

"Selepas selesai tesis yang pertama, kami perlu sambung dengan tesis kedua.

... saya pernah bertanya kepada diri sendiri kenapa saya sanggup membebankan diri sedangkan ramai rakan-rakan lain yang mengambil satu jurusan mampu berseronok selepas selesai semester mereka."

– Cik Nur Azila Rozaini.